

1) SKIM SMART SEWA

Adun : Y.B. Dato' Noorazley Bin Yahya (N10 Bukit Melawati)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2024)

Sub soalan :

a) Nyatakan kaedah untuk memohon dan menyertai Skim Smart Sewa yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2022.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat kelayakan permohonan Skim Smart Sewa adalah seperti berikut:

1. Berusia 18 tahun ke atas dan berkeluarga atau mempunyai tanggungan;
2. Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM5,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah Jenis A atau Rumah Kos Rendah;
3. Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM15,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah jenis B,C & D
4. Pemohon atau suami / isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor;
5. Pemohon tidak mempunyai atau memiliki kediaman di Selangor; atau mempunyai kediaman tetapi terletak melebihi 50 km daripada tempat sewa dipohon dengan syarat tempat kerja pemohon hendaklah dalam lingkungan 25 km perjalanan; dan
6. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor.

Orang awam boleh mendapatkan borang permohonan melalui laman web Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) yang merupakan Anak Syarikat Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi menguruskan operasi Skim Smart Sewa ini bermula pada Januari 2017. Borang permohonan boleh dikemukakan di kaunter dan secara e-mel kepada PHSSB untuk tujuan tapisan dan pemilihan.

b) Berapakah jumlah perumahan yang telah dibina di bawah skim ini? Nyatakan pecahan mengikut kawasan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Smart Sewa merupakan projek Rumah Selangorku (RSKU) yang bukan dibina oleh Kerajaan Negeri tetapi dibeli unit-unit RSKU tersebut daripada pemaju. Bermula tahun 2017 sehingga tahun 2023 jumlah keseluruhan unit-unit RSKU yang diluluskan pembelian oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan skim ini adalah sebanyak 32 projek yang merangkumi 1,287 unit. Pecahan mengikut kawasan seperti berikut:

BIL.	PROJEK	LOKASI	BILANGAN UNIT
1.	Pangsapuri Rimba Jaya	Shah Alam	41
2.	Pangsapuri Tun Teja	Alam Impian, Shah Alam	5
3.	Pangsapuri Jalan Keretapi Lama	Kapar, Klang	9
4.	Pangsapuri Damai Utama	Puchong	110
5.	Pangsapuri Arista	Bandar Parklands Klang	11
6.	Rumah Teres 2 Tingkat, Bandar Desa Coalfields	Ijok, Kuala Selangor	10
7.	Pangsapuri Azaria	Bandar Parklands, Klang	50
8.	Pangsapuri Asteria	Bandar Parklands, Klang	50
9.	Pangsapuri Seroja	Setia Alam	11
10.	Apartment Trifolis	Bukit Tinggi Klang	30
11.	Pangsapuri De' Kiara	Setia Alam	30
12.	Pangsapuri Taming Mutiara	Bandar Sg Long	30
13.	Pangsapuri Gapura Bayu, Jade Hills (Jenis A, B, C, D)	Kajang	60
14.	Pangsapuri Seri Utama (B & C)	Puchong	60
15.	Pangsapuri Simfoni	Semenyih	13
16.	Pangsapuri Alpinia	Puchong	50
17.	Pangsapuri De' Bayu	Setia Alam	30
18.	Rumah Bandar 2 Tingkat, Kota Puteri - PKNS	Rawang	20
19.	Rumah Teres 2 Tingkat, Antara Gapi -PKNS	Serendah	4
20.	Pangsapuri Serunai	Bukit Raja, Klang	50
21.	Pangsapuri Seri Akasia	Puchong	30
22.	Pangsapuri Harmoni 1, Putra Heights	Subang Jaya	30
23.	De Cemara	Bandar Setia Alam	24
24.	Pangsapuri Aranda	Kota Kemuning	14
25.	Pangsapuri Kemuning Idaman	Kota Kemuning	30
26.	Pangsapuri Aronia	Bandar Parklands, Klang	50
27.	Pangsapuri Kayangan	Semenyih	50

BIL.	PROJEK	LOKASI	BILANGAN UNIT
28.	Pangsapuri Danau Ria	Rawang	20
29.	Pangsapuri Selangorku @ Seri Temenggung	Gombak	40
30.	Pangsapuri Begonia (Emira @ TTDI Grove)	Kajang	10
31.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Putra Prima	Dengkil	7
32.	Rumah Selangorku Selindung	Ulu Yam	28
33.	Pangsapuri Seri Damai, Bandar Selayang (Blok A)	Gombak	120
34.	Pangsapuri Seri Damai, Bandar Selayang (Blok B)	Gombak	120
35.	Rumah Selangorku Jenis (E Khas), Eco Arden	Bukit Raja	20
36.	Rumah Selangorku Jenis (E Khas), Alam Impian	Shah Alam	20
JUMLAH KESELURUHAN UNIT			1,287

- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mempelbagaikan jenis rumah dalam skim ini bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah?

Untuk makluman Yang Berhormat, Rumah Selangorku (RSKU) yang dilaksanakan sebagai skim Smart sewa merangkumi komponen jenis A,B,C,D dan E. Rumah-rumah ini disewakan pada kadar sewa yang berpatutan berbanding sewa harga pasaran. Diskaun penyewaan akan mendapat pulangan semula sebanyak 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dengan tempoh 2 tahun penyewaan hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh digunakan sebagai sebahagian wang pendahuluan dalam pembelian RSKU pada masa akan datang. Sekiranya mereka telah berkemampuan bagi membantu golongan ini memiliki kediaman sendiri, seterusnya LPHS akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek RSKU sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.